



## **SIDANG MEDIA MAJLIS ANUGERAH SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2013/2014**

1. Penganjuran majlis ini merupakan kali ke-enam dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) setelah penganjuran kali pertama pada tahun 2008, kali kedua pada tahun 2009, kali ketiga pada tahun 2010, kali keempat pada 2011 dan kelima pada tahun 2013.
2. Majlis Anugerah Sukan ini juga merupakan kemuncak pengiktirafan terhadap daya usaha dan pengorbanan pegawai dan atlet Wilayah Persekutuan yang telah menunjukkan iltizam dan dedikasi tinggi yang tidak ternilai dalam pembangunan sukan dalam mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dan pemilihan pemenang ini berdasarkan sumbangan para atlet kepada Wilayah Persekutuan.
3. Majlis Anugerah Sukan ini memberi penghargaan kepada perjuangan tokoh-tokoh sukan, para pegawai, para pengurus, para jurulatih, para atlet dan tidak ketinggalan para atlet kelainan upaya Wilayah Persekutuan yang telah berusaha mencapai kejayaan yang cemerlang bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan di peringkat antarabangsa.
4. Diperingkat Wilayah Persekutuan pula, para atlet yang terpilih untuk mewakili Wilayah Persekutuan turut dibantu dengan Elaun Latihan Atlet, Insentif Khas Pelajar dan Insentif Kemenangan Atlet oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan secara tidak langsung dapat menampung sedikit sebanyak perbelanjaan harian para atlet dan para atlet juga diharap dapat lebih focus di dalam latihan dan lebih bermotivasi untuk menjalani latihan secara berterusan.
5. Sebagai contoh , ada atlet Wilayah Persekutuan yang telah layak dan terpilih mewakili Negara ke temasya sukan diperingkat antarabangsa atas usaha, pengorbanan, komitmen dan dedikasi yang tinggi antaranya Nur Dhabitah

Sabri yang baru sahaja melayakkan diri secara merit ke Sukan Olimpik Rio 2016.

6. Ini adalah sebahagian daripada halatuju Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada tahun-tahun akan datang yang mahu melahirkan lebih ramai atlet Wilayah Persekutuan ke peringkat antarabangsa sekaligus dapat mengharumkan nama Wilayah Persekutuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
7. Sekalung penghargaan juga buat semua agensi dan pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur(DBKL), Perbadan Putrajaya (PPJ) dan Perbadan Labuan (PL) yang turut bertanggungjawab dalam program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.
8. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada seluruh Kontinjen SUKMA Wilayah Persekutuan kerana Berjaya menjadi "JUARA KESELURUHAN" pada temasya SUKMA XVII, Perlis 2014 yang lalu.
9. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan demi membantu persediaan para atlet bagi mencapai sasaran Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XVIII Sarawak 2016, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah melaksanakan program "Golden Sport Collaboration" di mana melalui program ini para atlet porspek emasa akan diberi pendedahan untuk menjalani latihan di luar Negara. Program ini telah dilaksanakan bermula pada tahun ini untuk fasa yang pertama dan akan diteruskan lagi fasa kedua pada tahun hadapan sebelum temasya SUKMA XVIII Sarawak 2016.
10. Dengan azam dan semangat juang yang tinggi, moto "Kekal Juara" akan digunakan dengan harapan agar seluruh warga Wilayah Persekutuan akan dapat memastikan Wilayah Persekutuan terus cemerlang di pentas SUKMA XVIII Sarawak 2016 dan juga di peringkat antarabangsa.